

19 JUL 2001

Chor-Black Metal

ANCAMAN KUMPULAN BLACK METAL TIDAK SERIUS, KATA CHOR

PETALING JAYA, 19 Julai (Bernama) -- Aktiviti pengikut kumpulan Black Metal bukan merupakan ancaman serius kepada negara, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Chor Chee Heung di sini hari ini.

"Pengaruh aktiviti negatif oleh kumpulan ini belum sampai pada tahap yang mencemaskan dan masih dalam kawalan polis yang kini memantau keadaan," katanya kepada pemberita selepas penyampaian Anugerah Usaha Guinness.

Chor berkata aktiviti kebanyakan kumpulan Black Metal tidak memudaratkan dan mereka hanya mengikut cara dan trend fesyen hero pop barat mereka.

Aktiviti kumpulan Black Metal yang didedahkan oleh media membabitkan amalan seks bebas, pemujaan syaitan, menyampaikan falsafah anti tuhan kepada golongan muda terutama remaja Melayu termasuk pelajar, di negeri-negeri utara Semenanjung.

Mengenai cakera padat video haram, Chor berkata pihak berkuasa akan memberi tumpuan kepada menyekat pengedarannya di kalangan vendor terutama yang berbentuk pornografi menjelang 2005.

Sabtu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyuarakan kebimbangan beliau mengenai berleluasanya pengedaran bahan-bahan pornografi yang menjejaskan moral di kalangan belia dan menjurus kepada aktiviti negatif.

Sementara itu, Sarjan Abdul Manaf Hamid dipilih penerima ke-185 Anugerah Usaha Guinness kerana semangat yang tinggi yang mengatasi rasa takut ketika berhadapan dengan empat perompak dan 10 yang lain kemudiannya, secara bersendirian.

Dalam kejadian pada tengah malam, dua bulan lepas, Abdul Manaf yang tidak bertugas ketika itu, mengejar empat perompak yang merompak kedai Seven-Eleven di Shah Alam, dengan motosikalnya.

Apabila sampai ke sebuah tapak pembinaan, lima kilometer dari tempat rompakan, 10 lagi rakan perompak itu sudah menunggunya.

Abdul Manaf memberitahu pemberita bahawa beliau memang bimbang keselamatan pada masa itu tetapi tetap menguasai keadaan dan menghubungi bantuan yang tiba lima minit kemudian.

Beliau juga menerima surat pujian daripada polis yang disampaikan oleh Timbalan Ketua Polis Selangor, Datuk Johar Che Din.

-- BERNAMA

LYM AHH LAT